

Usim cipta aplikasi e-pemantauan

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), di sini, mengorak langkah lebih jauh dalam penciptaan produk inovasi apabila muncul dengan aplikasi e-pemantauan dikenali sebagai *Entrepreneurship Monitoring Apps (My Ema)* bagi telefon pintar.

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Usim, Dr Azman Ab Rahman yang merupakan salah seorang penciptanya berkata, kewujudannya membolehkan pemantauan berterusan dan sistematik dilaksanakan terhadap usahawan asnaf iaitu golongan yang menerima modal daripada zakat untuk memulakan perniagaan.

"Aplikasi ini memudahkan usahawan untuk menghantar laporan prestasi kewangan semasa pada setiap hari, walau di mana mereka berada.

"Pada masa sama, My Ema membolehkan agensi pembiayaan iaitu Majlis Agama Islam

negeri dan pusat zakat di seluruh negara mengenal pasti masalah dihadapi peniaga melalui pemerhatian secara berkala," katanya.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Usim, Dr Mohammad Noorizzuddin Nooh pula berkata, modul usahawan berbentuk latihan dan khidmat nasihat turut dibangunkan dalam aplikasi berkenaan.

"Berkonsepkan cekap, mudah dan praktikal, My Ema merupakan aplikasi paling ringan bagi telefon pintar kerana menggunakan ruang penyimpanan maya dan sama sekali tidak akan membebankan telefon pintar," katanya.

Menurutnya, keberkesanan sistem My Ema telah dipantau Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) melalui panel seperti Microsoft, Telekom Malaysia Berhad (TM) dan sebuah syarikat penghasil permainan video online.



Azman (dua, kiri) dan Mohammad Noorizzuddin (kanan) bersama Che Mat (tiga, kiri) dan Zulkifli (tiga, kanan) pada pelancaran My Ema, kelmarin.